



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 14

12hb Julai 2001

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 387.

NOTIS-NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 64(2)

NOTICES UNDER SUBSECTION 64(2)

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 124 yang disiarkan pada 12 Mac 1960, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 24 Kanun Tanah yang diwakilkan kepadanya telah mengisytiharkan tanah seluas 3ekar 3rood 3pole yang dikenali sebagai Lot No. 4774, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 20,635 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang sebagai satu rizab bagi tujuan Bangunan Sekolah di bawah kawalan 'Chief Education Officer, Pahang';

Dan bahawasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Pahang, pada 24 Ogos 2001 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Pahang State Government *Gazette* No. 124 published on the 12 March 1960, the Menteri Besar of Pahang in exercise of the powers under

section 24 of the Land Code which was delegated to him has proclaimed the land comprising of an area of 3acres 3rood 3poles known as Lot No. 4774, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No: 20,635 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang to be a reserve for a public purpose namely as a site for School buildings to be maintained by the Chief Education Officer, Pahang;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code.

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the Pahang State Director of Lands and Mines, on the 24 August 2001 at 10.00 a.m.

Bertarikh 17 Mei 2001.

Dated 17 May 2001.
[PTK. 3/3/23762.]

DATO' HAJI AB. RAHIM BIN MA'IN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 388.

Bahawasanya melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 8267 yang disiarkan pada 21 Disember 1928, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24 Kanun Tanah 1926, telah mengisytiharkan tanah seluas 3 ekar 22 pole yang dikenali sebagai No. Lot 606 terletak di Pelangai, Mukim Pelangai, Daerah Bentong, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 4094 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud tapak Sekolah Melayu di bawah jagaan 'Inspector of School, Pahang' dan pengganti jawatannya;

Dan bahawasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara;

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Bentong, pada 17 September 2001 pukul 10.30 pagi.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 8267 published on the 21 December 1928, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24 of the Land Code 1926 has proclaimed the land comprising of an area of 3 acres 22 poles known as Lot No. 606 situated at Pelangai, Mukim of Pelangai, District of Bentong, delineated upon Survey Plan No. 4,094 deposited in the office of the Director of Survey Pahang to be a reserve for the purpose of a Malay School to be maintained by the Inspector of Schools, Pahang, and his successors in office;

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code.

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the Bentong Land Administrator on the 17 day of September 2001 at 10.30 a.m.

Bertarikh 17 Mei 2001.

Dated 17 May 2001.
[PT. Btg. 1/P/004597.]

DATO' HAJI AB. RAHIM BIN MA'IN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Pahang

No. 389.

Bahawasanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 3459 yang disiarkan pada 22 Julai 1938, Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah (Bab 138) telah mengisytiharkan tanah seluas 84 ekar 1 rood 17 pole yang dikenali sebagai Lot No. 77 terletak di Sungai Rotan, Mukim Tanah Rata, Daerah Cameron Highlands, yang dilakar di atas Pelan Ukur No. 8,829 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang, sebagai satu rizab bagi tujuan kuari Jabatan Kerja Raya di bawah kawalan 'State Engineer, Pahang'.

Dan bahawasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan sebahagian daripada perizaban tersebut di atas iaitu seluas 0.393 hektar (0.9711 ekar) menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara.

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan sebahagian daripada perizaban tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands, pada 11 September 2001 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Federated Malay States Government *Gazette* No. 3459 published on the 22 July 1938, the Resident of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the Land Code (Cap. 138) has proclaimed the land comprising of an area of 84 acres 1 rood 17 poles known as Lot No. 77 situated at Sg. Rotan, Mukim of Tanah Rata, District of Cameron Highlands, delineated upon Survey Plan No. 8,829 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang to be a reserve for the purpose of a Public Works Department quarry to be maintained by the State Engineer, Pahang.

And whereas the State Authority proposes to revoke part of the aforesaid reservation measuring an area of 0.393 hectare (0.9711 acre) pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code.

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of part of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the office of the Cameron Highlands Land Administrator, on the 11th day of September 2001 at 10.00 a.m.

Bertarikh 21 Jun 2001.

Dated 21 June 2001.
[CH(T) 168/82.]

DATO' HAJI AB. RAHIM BIN MA'IN,
Pengarah Tanah Dan Galian,
Pahang

NOTIS**No. 390.****KANUN TANAH NEGARA**

(Seksyen 265(2))

LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Siti Fatimah binti Zainudin, yang beralamat di 15 Kampung Melayu Sempalit, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur tuan punya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 20 Mac 2001 telah ditarik balik disebabkan tiada tawaran diterima pada atau melebihi harga rizab.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 19 Julai 2001 (Khamis) bertempat di Pejabat Tanah Raub jam 10.00 pagi dengan harga rizab sebanyak RM18,000.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Raub/Gali. No. P.T.—11173. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 6354. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 543/97, Jilid 77, Folio 85. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 15 Mei 2001.
[PT. Rb. 9/1699.]

SAID ABDUL MANAF BIN SAID MAHADI,
Pentadbir Tanah Daerah,
Raub

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA